

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 30.10.2014 (KHAMIS)

TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap skim cepat kaya yang dipelopori oleh Zhang Jian yang mengisytiharkan dirinya sebagai Bakal Orang Terkaya di Dunia. Bagaimana Zhang Jian dapat masuk keluar negara kita tanpa dikesan serta ditangkap oleh pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Zhang Jian merupakan pengasas Skim YSLM di negara ini yang bernaung di bawah sebuah syarikat jualan langsung berlesen iaitu CDTUP International Sdn. Bhd. untuk memberi gambaran bahawa Skim yang dijalankan adalah sah disisi undang-undang. Skim atau pelan pemasaran yang ditawarkan oleh YSLM di bawah syarikat CDTUP International Sdn. Bhd mempunyai unsur-unsur Skim Cepat Kaya atau Skim Piramid yang menawarkan pulangan pelaburan yang tinggi dalam masa yang singkat dan bergantung kepada kemasukan peserta-peserta baru ke dalam Skim berkenaan.

Bagi membanteras skim ini, Kementerian telah membuka 6 (enam) kertas siasatan terhadap syarikat CDTUP International Sdn. Bhd dan pengajur Skim YSLM di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

Daripada jumlah tersebut, 1 (satu) kes telah dihadapkan ke Mahkamah pada 17 September 2014 di mana syarikat dan pengarah berkenaan telah dikenakan jaminan sebanyak RM200,000.00 sementara menunggu tarikh sebutan semula kes pada 21 Oktober 2014. 2 (dua) kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk pertuduhan di Mahkamah dan 3 (tiga) kes lagi masih dalam proses melengkapkan siasatan.

Waran tangkap ke atas seorang lagi pengarah syarikat CDTUP International Sdn. Bhd. telah dikeluarkan oleh Mahkamah dan usaha-usaha sedang dijalankan untuk memberkas beliau. Selain daripada itu, syarikat CDTUP International Sdn. Bhd. juga telah dibatalkan lesen jualan langsung pada 24 September 2014 kerana melanggar syarat-

syarat lesen dan disyaki menjalankan perniagaan berunsurkan skim piramid.

Kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA 2001) juga telah dibuka dan tindakan pembekuan dan penyitaan harta yang diperolehi melalui aktiviti haram mereka sedang dijalankan.

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 30 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7168

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Abu Bakar Jayari, Zainuddin Mislani dan Kassim Ibrahim yang ditahan pada 22.7.2014 kerana terlibat dalam aktiviti-aktiviti pemisahan Sabah dari Malaysia, telah dikeluarkan dengan perintah tahanan pada 9 September 2014 di bawah Seksyen 19A daripada Akta Pencegahan Jenayah untuk pemulihian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) telah mengeluarkan Perintah Tahanan seperimana kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 19A Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) ke atas Abu Bakar bin Jaiyari, Zainuddin bin Milsani dan Kasim bin Ibrahim berkuat kuasa mulai 09 September 2014 selama dua (2) tahun.

Ketiga-tiga penama telah dikenakan Perintah Tahanan setelah didapati bahawa kegiatan mereka boleh menggugat ketenteraman dan keselamatan awam di mana penama-penama adalah seorang yang bergiatan aktif merekrut ahli untuk suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang iaitu *Sultanate of Sulu & North Borneo* di Daerah Kunak, Sabah. Oleh yang demikian, penama-penama adalah termasuk di dalam Kategori Yang Boleh Didaftarkan, Perenggan 7 Bahagian I, Jadual Pertama, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297).